

1975

SYAH ALAM, 2 SEPTEMBER (BERNAMA) -- KALANGAN SWASTA DIGESA MEMBERI PERHATIAN DAN NILAIAN YANG SEWAJARNYA KEPADA KURSUS AKAUNTANSI DAN PARA SISWAZAH INSTITIUT TEKNOLOJI MARA (ITM).
MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENGAMBILAN SISWAZAH-SISWAZAH ITM JURUSAN TERSEBUT BEKERJA DALAM FIRMA-FIRMA BUKAN SAJA AKAN MEMENUHI KEHENDAK DASAR EKONOMI NEGARA, TETAPI MENJADI ASSET KEPADA FIRMA-FIRMA TERSEBUT KERANA KEBOLEHAN MEREA. BELIAU MENYEBUT KURSUS I.C.M.A ANTARA KURSUS-KURSUS YANG

SANGT TINGGI DARJAH PENGKHUSUSANNYA DI BIDANG AKAUNTANSI YANG DIBERIKAN DI ITM. 114

SELAIN DARI PERAKAUNAN KEWANGAN KURSUS ICMA MENITIBERAKAN PENETAPAN KOS DAN PERAKAUNAN PENGURUSAN.

KEDUA-DUA INI SANGAT DIPERLUKAN OLEH PARA PENGURUS DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BAGI PERJALANAN HARIAN SESEBUAH SYARIKAT DAN FIRMA.

SISWAZAH DARI KURSUS INI AKAN SEBENARNYA MENJADI 'ASSET' KEPADA FIRMA-FIRMA KERANA KEBOLEHAN MERE. AMAT BERGUNA BAGI MEMAJUKAN PERNIAGAAN, KATANYA DI MAJLIS PEMBUKAAN SIMPOSIUM +ASPEK-ASPEK PERAKAUNAN KOS DAN PENGURUSAN DALAM INDUSTRI+ DI ITM DI SINI HARI INI. - BERSAMBUNG 1236/HS

320:

MAHATHIR - ITM 2 SHAH ALAM

DR. MAHATHIR BERHARAP ITM AKAN MENGUKUH DAN MELIPATGANDAKAN USAHA MELATIH PARA PELAJARNYA SUPAYA LEBIH RAMAI LAGI AKAUNTAN DAPAT DIKELUARKAN.

UNTUK MEMENUHI KEHENDAK INI, KATANYA, ITM MESTI MENGATASI MASAALAH KEKURANGAN PENSYARAH-PENSYARAH YANG BERPENGALAMAN.

KATANYA BANYAK JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI BAHAGIAN AKAUN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN JUGA TIDAK DAPAT DIISI OLEH SEBAB KEKURANGAN AKAUNTAN-AKAUNTAN YANG BERKELAYAKAN.

SELAIN DARI ITU MENGIKUT ANGGARAN YUNIT PERANCANGAN EKONOMI, SEKTOR PERUSAHAAN AKAN MENINGKAT KADARNYA 18 KEPADA 35 PERATUS JUMLAH BESAR EKONOMI NEGARA DALAM MASA 1975-1990.

DENGAN DEMIKIAN, KATA DR. MAHATHIR, SUDAH TENTU MALAYSIA MEMERLUKAN RAMAI AHLI-AHLIPERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN YANG BERKALIBER TINGGI, TERMASUK AKAUNTAN-KAUNTAN YANG SEMESTINYA MEMAINKAN PERANAN PENTING.

MENTERI PELAJARAN BANGGA KEJAYAAN ITM MENAIKKAN TARAF BEBERAPA KURSUSNYA KE PERINGKAT IJAZAH AM SEPERTI IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN (B.B.A) DAN DIPLOMA LANJUTAN KEJURUTERAAN (ADVANCE DIPLOMA IN ENGINEERING).

BELIAU JUGA MEMUJI ITM MELAKSANAKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM SEBAGAI MATAPELAJARAN WAJIB.

+INI AKAN MENENTUKAN PENGHARGAAN TERHADAP SISWAZAH ITM AKAN BERTAMBAH DARI PADA TERDAPAT SEKARANG, + TEGASNYA. - BERNAMA 1238/HS